

'Kita hanya beli teknologi, tapi tak belajar kepakaran'

Situasi tidak selari konsep pembangunan mapan diimpikan

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pakar kejuruteraan tempatan perlu bekerjasama dengan syarikat pembekal teknologi perkhidmatan pengangkutan awam bagi memastikan kerosakan yang mungkin berlaku terhadap kemudahan itu kelak, dapat diperbaiki segera untuk kegunaan orang ramai.

Ini kerana, kerajaan sebelum ini dilihat hanya membeli teknologi seperti gerabak perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), tetapi tidak mempelajari kepakaran untuk menyelenggara dan membaik pulih sekiranya berlaku kerosakan.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata sepatutnya pada awal proses pembuatan LRT, Malaysia sudah menubuhkan satu pasukan khas untuk bekerjasama menyiapkan gerabak itu sebagai persediaan jika ada masalah pada masa depan, ia boleh diselesaikan dengan cepat tanpa membabitkan banyak perbelanjaan.

"Negara sudah melabur wang untuk membeli teknologi, tetapi kita tidak membuat pemindahan

teknologi. Apabila ada kerosakan, kita tidak mampu membaikinya.

"Apabila kita beli LRT dan Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) pengangkutan awam dari luar negara, kita hanya pentingkan apa yang kita dapat.

"Ia diibaratkan seperti kita beli kereta dari Jepun, apabila rosak kita terpaksa hantar semula ke Jepun untuk membaikinya disebabkan di Malaysia tiada teknologi itu. Contohnya, kejadian LRT rosak pada bulan lalu, kita tidak mampu membaikinya hingga terpaksa menggunakan khidmat pakar dari Kanada," katanya kepada *BH*, semalam.

Teik Hua berkata, jika masalah ini tidak diselesaikan, pengangkutan awam akan mengalami kerosakan lebih teruk.

Beliau menyifatkan Malaysia mempunyai pembelian kelas pertama tetapi penyelenggaraan masih di tahap kelas ketiga.

Pakar bidang kejuruteraan pengangkutan, Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah pula menyifatkan aktiviti penyelenggaraan di Malaysia secara umum

masih lemah, bukan saja untuk pengangkutan awam, tetapi juga untuk jalan, bangunan, infrastruktur dan kemudahan lain.

"Perkara ini memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan awam yang diberikan dan situasi ini tidak selari dengan konsep pembangunan mapan yang sering dikatakan dan diimpikan.

"Jadi, kerajaan perlu kenal pasti keperluan sebenar untuk membaik pulih dan membawa sistem pengangkutan awam ke tahap sepatutnya. Pelan perancangan dan kewangan perlu dirancang sebaiknya," katanya

Beliau berkata, penyenggaraan berkala dan berjadual perlu dilakukan dengan memberikan peruntukan secukupnya supaya tidak membebankan semua pihak terutama pekerja yang menggunakan pengangkutan awam di waktu puncak.

Buka tender beli bas

Sementara itu, Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) melalui Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) berhasrat menambah hampir 300 bas

termasuk 100 bas elektrik membatik peruntukan bernilai RM180 juta pada 2024.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Mohd Azharuddin Mat Sah, berkata fasa pertama penambahan bilangan bas itu hanya membatik perkhidmatan Rapid KL susulan permintaan tinggi dalam kalangan penduduk di ibu negara.

"Kita mula membuka tender pada suku pertama 2023 dan peruntukan disediakan juga membatik kerja menaik taraf infrastruktur dan kabel elektrik di depoh stesen bagi proses pengecasan.

"Menjelang suku pertama 2023, Rapid Bus menyasarkan sebanyak 1,183 bas akan beroperasi setiap hari. Bilangan bas itu masih sedikit berbanding negara mempunyai pengangkutan awam yang efisien seperti Singapura," katanya kepada BERNAMA.

Sebagai pembaharuan, Mohd Azharuddin berkata, pihaknya akan memperkenalkan penggunaan bas elektrik iaitu 45 bas mini, dengan panjang antara tujuh hingga lapan meter dan 55 bas bersaiz besar berukuran 10 hingga 12 meter.

"Jadi, melalui pembaharuan ini, kita mendengar pendapat dan cadangan daripada orang ramai yang mahukan perkhidmatan bas mini dikembalikan.

"Kita lihat perkhidmatan bas mini lebih efisien, kerana lebih mudah bergerak melalui kawasan sibuk dan jalan sempit seperti kawasan perumahan, selain mempunyai kekerapan tinggi," katanya.

“Negara sudah melabur wang untuk membeli teknologi, tetapi kita tidak membuat pemindahan teknologi. Apabila ada kerosakan, kita tidak mampu membaikinya”



Dr Law Teik Hua,
Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya UPM